

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT DR. KO CHUNG SEN
[KAMPAR]**

TARIKH : 8 MAC 2016

SOALAN :

YB Dr. Ko Chung Sen [Kampar] minta PERDANA MENTERI menyatakan :-

- (a) sama ada beliau nampak konflik kepentingan apabila Peguam Negara yang dilantik oleh Perdana Menteri menyiasat wang sebanyak RM2.6 bilion dalam akaun peribadi Perdana Menteri dan melaporkan kepada Perdana Menteri; dan
- (b) sama ada Peguam Negara boleh diminta menjelaskan di Parlimen sebab-sebab mengapa tidak terdapat apa-apa kesalahan jenayah berhubung RM2.6 bilion tersebut.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Penyiasatan ke atas isu RM2.6 bilion dilaksanakan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan bukannya oleh Peguam Negara. Kertas siasatan yang dikemukakan kepada Peguam Negara menunjukkan hasil siasatan SPRM tidak menunjukkan bahawa YAB Perdana Menteri telah melakukan sebarang perbuatan rasuah.

Berdasarkan kepada Artikel 145(3) Perlembagaan Persekutuan, Peguam Negara mempunyai budi bicara penuh untuk menentukan sama ada sesuatu kes perlu didakwa di mahkamah atau tidak.

Sekian, terima kasih.